

18 SEP 2003

Law-Nobel/I

MALAYSIA ANJUR PAMERAN 100 TAHUN HADIAH NOBEL

PUTRAJAYA, 18 Sept (Bernama) -- Malaysia akan menganjurkan Pameran 100 Tahun Hadiah Nobel dari 20 Mac hingga 27 Jun tahun depan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata beliau percaya acara itu akan bertindak sebagai saluran terbaik bagi rakyat Malaysia mendapat inspirasi untuk berusaha ke arah kecemerlangan dalam bidang sains, kebudayaan dan kemanusiaan.

Beliau berkata rakyat Malaysia, terutamanya daripada masyarakat saintifik, perlu menyahut cabaran yang dilontarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk cemerlang sehingga membolehkan mereka layak dipilih sebagai pemenang Hadiah Nobel.

"Cabaran itu telah menyemarakkan semangat dan mendorong usaha bersepadu di peringkat kebangsaan bagi meningkatkan tahap kecemerlangan saintifik Malaysia menerusi pelbagai pendekatan, merangkumi semua peringkat masyarakat," katanya semasa mengumumkan penganjuran pameran itu oleh Malaysia di sini.

Acara itu bertujuan mewujudkan kesedaran masyarakat umum terhadap sumbangan besar saintifik oleh Pemenang Hadiah Nobel, memberikan inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk berusaha ke arah kecemerlangan, dan menetapkan pentas bagi Malaysia untuk menerapkan budaya kreativiti.

Sejak dekad yang lepas, lebih 700 orang menerima Hadiah Nobel yang berprestij itu berikutan sumbangan cemerlang mereka dalam bidang fizik, kimia, fisiologi, perubatan, kesusasteraan, keamanan dan ekonomi.

Sempena pameran itu, satu forum antarabangsa mengenai kreativiti yang akan menyaksikan penyertaan pemenang-pemenang Hadiah Nobel dijadual diadakan pada Mac tahun depan.

Law turut menggesa pihak media agar memberikan publisiti dan menyemarakkan semangat terhadap pameran itu yang akan diadakan di Pusat Sains Nasional di Mont Kiara, Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

NJ ROS